

28/07/2005

AP-Jumpa

NORRAESAH CADANG PERTEMUAN RAFIDAH DAN DR MAHATHIR SELESAI ISU AP

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad diminta mengadakan pertemuan untuk menyelesaikan sebarang salah faham antara mereka berhubung isu permit import (AP) dan dasar kereta nasional.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Dr Norraesah Mohamad hari ini berkata mereka perlu bertemu "seperti bapa dengan anak ikut budaya Melayu" untuk menyelesaikan apa jua masalah yang timbul.

"Pertemuan ini penting kerana isu itu sudah nampak seolah-olah menjadi isu peribadi," katanya kepada pemberita di Pangkalan TUDM di Subang selepas menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dari lawatan rasmi ke Afrika Selatan.

Norraesah berkata kemelut itu harus ditamatkan segera kerana ia sudah menjadi "tidak sihat" kerana menimbulkan banyak persoalan dan syak wasangka.

"Bukan soal nak suruh Datuk Seri Rafidah jumpa Tun Dr Mahathir tapi pada pandangan saya, sebagai orang Melayu masalah itu hendaklah diselesaikan secara baik," katanya.

Isu itu timbul apabila Dr Mahathir mempersoalkan pemberian AP sehingga menjejaskan penjualan kereta nasional, dan ekoran isu itu, kabinet mengarahkan Rafidah menulis surat kepada bekas perdana menteri itu bagi memberikan penjelasan.

Bagaimanapun Dr Mahathir dilaporkan berkata Rafidah tidak memberikan gambaran sebenar mengenai pemberian AP itu.

Norraesah, yang juga anggota exco pergerakan Wanita Umno, meminta media tidak lagi memperbesarkan isu itu.

-- BERNAMA

JM MOK MAI